

14/10/2003

Mengharap sumbangan berterusan Dr Mahathir

DALAM tempoh tidak sampai seminggu, dua ketua kerajaan asing memberikan penghargaan besar kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan mahu beliau terus memberi sumbangan kepada dunia selepas bersara pada akhir bulan ini. Selasa lalu Presiden Indonesia, Megawati Sukarnoputri berharap Perdana Menteri akan terus berkongsi nasihat, kebijaksanaan dan pengalamannya dengan Asean untuk menghadapi cabaran besar pada masa akan datang, manakala Sabtu lalu Presiden Pakistan, Jeneral Pervez Musharraf mahu Dr Mahathir terus menyumbang kepada negara dan dunia Islam kerana kedudukannya yang menghampiri 'harta awam' tidak memungkinkan beliau bersara sepenuhnya.

Ternyata, kelantangan dan kepemimpinan Dr Mahathir yang mendapat perhatian dunia membuatnya tidak boleh bersara dengan mudah. Selain harapan daripada pemimpin asing, rakyat Malaysia sendiri mahu Perdana Menteri terus memberi sumbangan kepada agama, bangsa dan negara. Kelebihan yang dimilikinya ialah keberanian menegur siapa saja tanpa rasa takut dan gentar, selain mampu berhujah dan menyatakan pandangan berdasarkan pemikirannya sendiri dalam apa juga isu serta forum sama ada Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) atau di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), menyebabkan beliau dihormati oleh pemimpin lain. Semua ini boleh dilakukan kerana beliau dan negara kita tidak berhutang budi atau terikat kepada sesiapa.

Sebagai suara yang mewakili dunia Islam, sumbangan Dr Mahathir juga diperlukan termasuk dalam usaha menyusun semula Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) bagi menjadikannya lebih dinamik, berwibawa dan berorientasikan keputusan. Pujian dan harapan ini datang dari Musharraf, pemimpin yang banyak berkongsi pandangan dengan Dr Mahathir dalam banyak perkara termasuk isu ulama yang menggunakan Islam untuk kepentingan politik, menjadikan ilmu sebagai senjata dan kerjasama di kalangan negara Islam untuk menjadikannya satu kuasa yang berpengaruh. Selain Musharraf, ramai lagi pemimpin negara Islam turut mendesak Perdana Menteri terus menjadi suara mewakili dunia Islam.

Bagaimanapun, di sebalik segala desakan itu, kita perlu adil dan memberi kebebasan kepada Dr Mahathir untuk menentukan sendiri apa yang beliau hendak lakukan selepas bersara. Kesediaannya untuk terus memainkan peranan aktif dalam politik negara selepas lebih dua dekad menabur bakti, jelas menunjukkan keikhlasannya dalam perjuangan. Apa yang nyata, Dr Mahathir berjaya membangunkan rakyat dan negara ini sehingga dihormati dunia. Walaupun ada ketika tindakannya tidak popular, semua itu tidak menjadi penghalang kepadanya untuk meneruskan tindakan yang difikirkan baik untuk bangsa, rakyat dan negaranya.